

U B561 DEB
MAHATHIR-MASYARAKAT

KUALA LUMPUR, 6 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYARANKAN AGAR CIRI-CIRI KEHIDUPAN MASYARAKAT DESA DAHULU YANG MEMENTINGKAN SOAL SALING BANTU-MEMBANTU DIHIDUPKAN SEMULA DAN DIKEMBANGKAN KE SEMUA KAWASAN PERUMAHAN DI BANDAR-BANDAR.

BERUCAP MERASMIKAN SEMINAR KEBANGSAAN KEBAJIKAN MASYARAKAT DI SINI BELIAU BERKATA SIFAT TERLALU MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI TANPA MENGHIRAUKAN JIRAN TETANGGA PERLU DIKIKIS KERANA KESTABILAN SESUATU MASYARAKAT ITU BERGANTUNG KEPADA KEUTUHAN ANGGOTA-ANGGOTANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA SALAH SATU CARA PALING BAIK UNTUK PERPADUAN DAN USAHA-USAHA KEMASYARAKATAN IALAH MELALUI PERTUBUHAN-PERTUBUHAN SUKARELA.

MENERUSI BADAN-BADAN INI, KATANYA, ANGGOTA-ANGGOTA MASYARAKAT DAPAT BERGANDING BAHU TANPA MENGIRA KETURUNAN, BANGSA DAN AGAMA BAGI BERBAKTI DAN MEMBERI KHIDMAT KEPADA MEREKA YANG MEMERLUKANNYA.

+MELALUI KERJA-KERJA KEBAJIKAN DAN BANTUAN YANG DIHULURKAN, SAMA ADA WANG RINGGIT, TENAGA ATAU KEPAKARAN, AKAN MENGERATKAN LAGI PERHUBUNGAN DAN JUGA SEMANGAT PERPADUAN DI NEGARA INI,+ KATANYA. - LAGI.

1452MST 06 11 87

U B562 DEB
MAHATHIR-MASYARAKAT 2 KUALA LUMPUR

SEBAGAI RAKYAT MALAYSIA, KATANYA, MEREKA PERLU HIDUP BERMAT-MENGHORMATI KERANA KESEJAHTERAAN DAN KESTABILAN NEGARA INI BERGANTUNG DI ATAS KEHARMONIAN DAN KETEGUHAN RAKYAT KESELURUHANNYA.

DATUK SERI DR MOHAMAD BERKATA RAKYAT DI NEGARA INI MEMANG TERKENAL KERANA KEBAIKAN ATAU KEMURAHAN HATI MEREKA DAN RAMAI DI ANTARA MEREKA TIDAK TERAGAK-AGAK UNTUK TAMPIL KE HADAPAN UNTUK MEMBERI SUMBANGAN ATAU UNTUK MEMBANTU MEREKA YANG DITIMPA KEMALANGAN ATAU PUN BENCANA.

KATANYA SIFAT MURAH HATI DAN SUKA MEMBANTU INI MERUPAKAN SATU CIRI YANG HARUS DIKEMBANGKAN DAN DIGEMBLENG UNTUK KEPENTINGAN MASYARAKAT YANG KURANG BERNASIB BAIK.

BELIAU BERKATA SESEORANG ITU, SAMA ADA IA SEORANG KANAK-KANAK, ORANG TUA ATAU YANG CACAT MEMPUYAI KEBOLEHAN YANG DAPAT DIGUNAKAN UNTUK KEPENTINGAN DIRINYA DAN JUGA KEPADA MASYARAKAT.

OLEH ITU, ADALAH PENTING BAGI MEREKA INI DIBERI SEGALA KEMUDAHAN DAN SOKONGAN UNTUK MEMBOLEHKAN MEREKA HIDUP DENGAN LEBIH BERMAKNA DAN TIDAK TERSISIH DARI MASYARAKAT. - LAGI.

1454MST 06 11 87

U B563 DEB
MAHATHIR-MASYARAKAT 3 KUALA LUMPUR

SEBELUM ITU, MENTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT ENCIK MUSTAFFA MOHAMED BERKATA ANTARA LAIN SEMINAR ITU BERTUJUAN UNTUK MENELITI ISU DAN MASALAH SEMASA YANG DIHADAPI OLEH MASYARAKAT SAMBIL MENGENALPASTI SEBAB-SEBABNYA.

IANYA JUGA BERTUJUAN MENENTUKAN STRATEGI PENCEGAHAN BAGI MEMBENDUNG MASALAH-MASALAH ITU SELAIN DARI CUBA MENGGALAKKAN PIHAK-PIHAK TERTENTU SEPERTI IBUBAPA, PERTUBUHAN-PERTUBUHAN SUKARELA DAN ANGGOTA-ANGGOTA MASYARAKAT MENYERTAI KERAJAAN DALAM KERJA-KERJA SOSIAL.

TIGA KERTASKERJA MENGENAI KANAK-KANAK, ORANG TUA DAN ORANG CACAT DIBENTANGKAN DALAM SEMINAR TIGA HARI ITU YANG DIHADIRI OLEH PEGAWAI-PEGAWAI KEBAJIKAN SERTA WAKIL-WAKIL KERAJAAN NEGERI DAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN SUKARELA. - BERNAMA.

1456MST 06 11 87